

**TEKS UCAPAN YB MENTERI PENGANGKUTAN
SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
BAGI BULAN APRIL 2025**

PADA 22 APRIL 2025 (SELASA)

Salam sejahtera, Selamat pagi, Salam Malaysia MADANI,

Yang Berhormat **Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah**
Timbalan Menteri Pengangkutan

Yang Berbahagia **Dato' Jana Santhiran Muniayan**
Ketua Setiausaha Kementerian

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha

Setiausaha-Setiausaha Bahagian

Ketua-Ketua Unit

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian
Pengangkutan
dan seluruh warga Kementerian Pengangkutan yang saya
hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke Majlis Perhimpunan Bulan April dan Majlis Raikan Kasih Madani MOT.

PENCAPAIAN MOT SEPANJANG MAC 2025

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Sepertimana kita sedia maklum, bulan Mac yang lalu turut berlangsung bersekali dengan bulan Ramadan. Walaupun ramai dalam kalangan warga MOT menjalani ibadah puasa pada bulan tersebut, kita terus merekodkan pelbagai pencapaian penting. MOT terus beriltizam memacu Malaysia menjadi pesaing global dalam industri pengangkutan.

3. Antara pencapaian penting MOT bagi bulan Mac 2025 termasuklah:

(i) Peningkatan Kecekapan Perkhidmatan

- a. Penggubalan Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (CAR) yang baharu bagi operasi Sistem Pesawat Tanpa Pemandu (UAS)

CAAM telah mengumumkan akan mengeluarkan Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (stay Civil

Aviation Regulations) baharu bagi operasi Unmanned Aircraft Systems (UAS) menjelang suku keempat tahun 2025. Peraturan ini akan membantu menyediakan panduan yang komprehensif dan selamat, selaras dengan amalan terbaik di peringkat global.

b. Penambahbaikan Pusat Pemeriksaan Kenderaan

MOT melalui JPJ dengan kerjasama PUSPAKOM juga telah menambah baik proses pemeriksaan kenderaan.

Antara langkah-langkah yang telah diambil termasuk mencegah salah guna sistem tempahan oleh orang tengah dan mengemaskini checklist pemeriksaan agar fokus adalah lebih kepada aspek-aspek keselamatan jalan.

Langkah-langkah ini bertujuan menambah baik kecekapan dan masa pemeriksaan di Puspakom di samping memastikan keselamatan jalan terjamin.

c. Pindaan Had Usia Minima Bas Sekolah

MOT juga telah meluluskan permohonan pindaan had usia minima melesenkan kenderaan perkhidmatan awam bagi kelas lesen bas sekolah, daripada 10 tahun kepada tidak melebihi 1 tahun daripada had usia maksima penggunaan. Walau bagaimanapun, had usia maksima penggunaan bas sekolah tetap dikekalkan pada 30 tahun.

Walaupun bagaimanapun, kelulusan ini hanya akan diberikan kepada kenderaan yang telah melepasi pemeriksaan keselamatan kenderaan di PUSPAKOM atau di pusat Perkhidmatan Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) bertauliah oleh Kerajaan.

d. Pelancaran Terminal Pukal Cecair 4A

Bulan Mac juga menyaksikan pelancaran Terminal Pukal Cecair 4A oleh Lembaga Pelabuhan Kelang dan Westports Holding Berhad. Pembangunan terminal dengan nilai pelaburan sebanyak RM80 juta ini akan menyokong peningkatan permintaan untuk pengendalian pukal cecair, termasuk import dan eskport semula gas petroleum cecair (LPG) melalui terminal LPG penyejuk pertama di Asia Tenggara.

(ii) Pengukuhan Kemudahan dan Akses Pengangkutan

a. Perluasan Operasi Perkhidmatan ETS ke Segamat

KTMB juga mencatatkan sejarah kepada rakyat Malaysia khususnya warga Johor dalam bulan March, apabila perkhidmatan ETS mula beroperasi buat kali pertamanya di Segamat.

b. Pertambahan Laluan Baharu Perkhidmatan Rapid On-Demand

Bermula 27 Mac 2025, sebanyak 7 laluan baharu perkhidmatan Rapid On-Demand telah diperkenalkan. Sehingga kini, Perkhidmatan Rapid On-Demand (ROD) kini telah beroperasi di 37 laluan dengan 110 van secara keseluruhan bagi Rapid KL serta Rapid Penang.

c. Pengoperasi Terminal Bersepadu Gombak

Perayaan Aidilfitri baru-baru ini juga merekodkan percapaian penting bagi perkhidmatan bas ke Pantai Timur melalui peralihan operasi ke Terminal Bersepadu Gombak mulai 15 Mac 2025.

Terminal Bersepadu Gombak yang menggabungkan hab pengangkutan serta pusat beli-belah menawarkan ruangan yang luas, infrastruktur serba lengkap serta tersusun. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan pengusaha-pengusaha syarikat bas yang menawarkan perkhidmatan bas mereka di terminal tersebut.

(iii) Pemerkasaan Infrastruktur Pengangkutan Negara

- a. Pemeteraian Perjanjian Kerjasama Strategik KTMB dan Inland Port Perlis Sdn. Bhd.

Saya juga telah berkesempatan menyaksikan pemeteraian kerjasama strategik antara KTMB dan Inland Port Perlis Sdn Bhd (IPPSB) melalui Perjanjian Operasi dan Penyelenggaraan. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha memperkukuh ketersambungan rel serantau.

(iv) Peluasan Transformasi Digital dan Automasi Dalam Pengangkutan

- a. Peluncuran Kiosk Sentuhan Madani Fasa ke-2 di Stesen Sentral Kuala Lumpur

MOT juga telah melancarkan Kiosk Sentuhan Madani Fasa ke-2 di Stesen Sentral Kuala Lumpur pada 13 Mac yang lalu, bagi memudahkan rakyat untuk mengakses perkhidmatan Kerajaan di lokasi strategik dengan waktu operasi lebih fleksibel.

(v) Pengiktirafan dan Penyertaan di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa

a. Pensijilan Penyata Kewangan

Sebanyak 12 agensi di bawah MOT telah dianugerahkan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran (*Unmodified Opinion*) bagi Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023. Sijil ini diberikan apabila Ketua Audit Negara berpandangan bahawa penyata kewangan yang disediakan memberi gambaran yang benar dan saksama serta penyediaannya adalah selaras dengan piawaian perakaunan. Tahniah diucapkan kepada :

1. Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ)
2. Lembaga Pelabuhan Klang (LPK)
3. Lembaga Pelabuhan Kemaman (LP Kemaman)
4. Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKtn)

5. Lembaga Pelabuhan Melaka (LPM)
6. Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM)
7. Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)
8. Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB)
9. Perbadanan Aset Keretapi (RAC)
10. Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)
11. Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP)
12. Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang – Teluk Ewa (SPPP – Teluk Ewa)

b. KLIA sebagai Top 10 Lapangan Terbang Terbaik Dunia

Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah di atas pencapaian MAHB apabila KLIA diiktiraf sebagai antara 10 Lapangan Terbang terbaik dari segi kualiti perkhidmatan, menurut Airport Service Quality (ASQ) Survey 2024 oleh Airports Council International (ACI). Syabas dan tahniah MAHB.

Tambahan pula, kedudukan KLIA dalam senarai World's Top 100 Airports 2025 oleh Skytrax juga telah meningkat 7 anak tangga, dari tempat ke-71 kepada tempat ke-65.

Saya yakin dengan komitmen semua pihak, kedudukan KLIA boleh terus diperkukuhkan lagi pada tahun depan.

c. Penguatkuasaan AFAFIST

Pada bulan lalu juga, Malaysia telah meratifikasi *ASEAN Framework Agreement on the Facilitation of Inter-State Transport* (AFAFIST) yang ditandatangani pada 10 Disember 2009. AFAFIST bertujuan untuk memudahkan cara pergerakan kenderaan barangan rentas sempadan dalam usaha meningkatkan integrasi ekonomi di rantau ASEAN. Malaysia telah mendepositkan *Instrument of Ratification* (IoR) kepada Setiausaha Agung ASEAN dan susulan itu, AFAFIST secara rasminya akan berkuat kuasa dan memulakan operasi di Malaysia pada 6 April 2025.

Pelaksanaan AFAFIST bukan sahaja dapat meningkatkan aktiviti perdagangan serantau, malah pemain industri logistik tempatan dijangka dapat meluaskan peta perkhidmatan sekaligus meningkatkan daya saing mereka di peringkat ASEAN.

4. Sesungguhnya saya amat berbangga dengan kesemua pencapaian ini, dan berterima kasih kepada semua warga kerja MOT yang telah berusaha keras untuk memastikan setiap program dan inisiatif yang dirancang dan dilaksanakan dengan jayanya.

STATUS PELAKSANAAN OPERASI KHAS HARI RAYA AIDILFITRI 2025

Para hadirin sekalian,

5. Bersempena sambutan Hari Raya baru-baru ini, JPJ telah melancarkan Operasi Khas Hari Raya Aidilfitri 2025 di seluruh negara mulai 24 Mac sehingga 8 April 2025. Sepanjang operasi tersebut, sebanyak **61,317 notis** telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan. Data menunjukkan bahawa **tiga (3)** kesalahan utama yang tertinggi adalah **Memotong Barisan (1,766)**, **Memandu di Lorong Kecemasan (1,625)** dan **Gagal Mematuhi Lampu Isyarat Merah (843)**. Justeru, saya berpandangan perlu ada usaha untuk mendidik dan melaksanakan kempen yang berkesan kepada rakyat.

6. Selain itu, JPJ juga telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan pemeriksaan ke atas kenderaan perkhidmatan awam – bas termasuklah melalui strategi penguatkuasaan secara penyamaran. **Sebanyak 1,294 notis** telah dikeluarkan atas kesalahan melibatkan perkhidmatan perkhidmatan awam – bas, dengan 366 notis dikeluarkan melalui penguatkuasaan secara penyamaran bas.

7. Berdasarkan data Jabatan Siasatan dan penguatkuasaan Trafik, PDRM bagi tempoh 29 Mac sehingga 3 April 2025, sebanyak **9,859 kemalangan** telah direkodkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **85 kematian** telah dicatatkan. Ini menunjukkan terdapat penurunan jumlah kematian berbanding tempoh yang sama pada musim Aidilfitri tahun 2024, yang mana rekod tahun lalu mencatatkan sebanyak **8,862 kemalangan** dengan **119 kematian**.

8. Saya berharap kita tidak berputus asa dan terus berusaha melaksanakan program dan inisiatif terbaik dalam mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. MOT akan terus mengekalkan kolaborasi yang baik bersama rakan strategik yang berkaitan seperti KKR, PDRM, dan JKR bagi mengkaji dan melaksanakan dasar, kaedah, program, dan inisiatif baharu yang lebih efektif dalam usaha mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di Malaysia.

9. Saya juga turut ingin menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pegawai dan penguatkuasa JPJ yang telah menjayakan Operasi Khas Hari Raya Aidilfitri 2025. Di kala kita semua bergembira merayakan Hari Raya di kampung halaman bersama keluarga tersayang, wira dan wirawati kita terus komited bekerja bagi memastikan peraturan jalan raya dipatuhi demi keselamatan semua.

PENUTUP

10. Sebelum mengakhiri ucapan, saya menyeru kepada semua warga MOT untuk terus beriltizam memberikan perkhidmatan terbaik dan lebih dinamik pada masa akan datang. Suku pertama tahun 2025 telah pun berakhir, namun masih belum terlambat untuk kita menilai dan memperbetulkan semula haluan masing-masing agar semua sasaran bagi tahun 2025 dapat dicapai.

11. Akhir kata, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga MOT. Marilah kita terus menghayati semangat Hari Raya dengan saling bermaaf-maafan. Terima kasih atas segala usaha dan komitmen yang telah diberikan.

Sekian, Terima Kasih.